

Pas mahu lihat negara mundur: Dr M

8 SEP 2003

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu umat Islam melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan supaya tidak diperbodohkan parti Pas yang sentiasa mahu negara mundur agar mudah menyebarkan dakwah mereka.

Perdana Menteri berkata, Pas tidak mahu melihat negara Islam maju dan sebab itu sanggup menghasut pelajar universiti supaya tidak belajar tetapi berjuang untuk politik parti berkenaan.

“Jika kita tidak ada ilmu, kita akan jadi bodoh dan sesiapa pun boleh tipu kita.

“Kerajaan berbelanja berbilion ringgit untuk mendirikan universiti bagi memajukan rakyat demi kepentingan negara. Namun, ada pihak terus beranggapan negara Islam mesti mundur, kacau bilau serta tidak mempunyai kemudahan seperti air bersih.

“Sebab itu ada pihak tertentu di negara ini yang mahu menegakkan negara Islam dengan keganasan, bukannya menerusi proses pilihan raya kerana tidak yakin mendapat sokongan ramai.

“Mereka ini belajar buat born, samun bank dan bertindak cara ganas kerana manusia jenis ini tidak senang dengan keamanan yang kita nikmati sekarang,” katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada perhimpunan pemimpin bersama rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Jitra, di Sekolah Kebangsaan Sri Banai, di sini, semalam. Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan sijil kepada 540 pelajar cemerlang daripada 30 sekolah rendah dalam kawasan parlimen Kubang Pasu menerusi projek Jawatankuasa Kecemerlangan Akademik Negeri Kedah (Jana); wang tunai RM100 dan hamper kepada 50 warga emas dari zon Wang Tepus, dan RM100 kepada 148 anak yatim DUN Jitra.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Ahli Dewan Undangan Negeri Jitra yang juga Exco Pendidikan dan Pembangunan Usahawan, Prof Datuk Dr Othman Ishak.

Dr Mahathir berkata, umat Islam perlu membuktikan bahawa Islam bukan agama yang menghalang kemajuan, sebaliknya sebuah negara Islam boleh maju setanding dengan negara maju di dunia.

“Kita pegang pada ajaran Islam yang sebenar, kita bina sekolah tapi Pas buat sekolah pondok demi kepentingan politik mereka. Bila ramai orang ke sekolah pondok, fikiran mereka kekal kolot dan dapatlah mengundi Pas,” katanya.

Perdana Menteri mengingatkan pelajar khususnya di universiti supaya menumpukan kepada pelajaran dan tidak terpengaruh dengan politik pembangkang kerana mereka menggunakan wang rakyat.

“Alhamdulillah, baru-baru ini sudah timbul kesedaran di kalangan pelajar yang memilih wakil dari kalangan proaspirasi kerana sedar tanggungjawab mereka,” katanya.

Bagaimanapun, beliau kesal apabila ada pelajar yang disifatkannya ‘kumpulan yang tidak mahu belajar’ menang dalam pilihan raya kampus di Universiti Malaya.

“Mereka ini lebih ahli politik daripada penuntut dan membazirkan wang negara. Kalau mereka tak dapat kelulusang baik, kita (kerajaan) akan tarik balik sokongan biasiswa kepada mereka,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, untuk menjadi bangsa maju, masyarakat di negara ini perlu menukar cara hidup kepada yang lebih sihat dengan mengamalkan kebersihan alam sekeliling.

Beliau berkata, Malaysia ketika ini sudah menjadi besar dengan jumlah penduduk hampir 25 juta dan mempunyai kemudahan seperti di negara maju.

“Malangnya masyarakat masih mengharap kerajaan mengutip sampah dengan membuang sampah di sepanjang jalan. Perbuatan membuang sampah ini bukan saja mencemar alam sekeliling bahkan boleh membawa penyakit,” katanya.